NUS National University of Singapore

Source: *Berita Harian,* Front Page & p4
Date: 9 September 2017

Pelihara peranan Presiden sebagai simbol penyatuan: Shanmugam

▶**ROSEBI MOHD SAH**
rosebi@sph.com.sg

PERUBAHAN bagi Presiden Dipilih (EP) bagi memastikan perwakilan pelbagai kaum adalah penting disebabkan peranan Presiden sebagai simbol penyatuan bagi negara.

Menekankan demikian, Menteri Ehwal Dalam Negeri merangkap Menteri Undang-Undang, Encik K. Shanmugam, berkata tanpa beberapa pindaan bagi pilihan raya tertentu yang diperuntukkan bagi kaum minoriti, peranan simbolik itu mungkin akan dipersoal, terutama apabila presiden itu, setelah beberapa tempoh, datangnya daripada satu kaum sama.

Bercakap di Forum mengenai EP yang Diperuntukkan anjuran Institut Pengajian Dasar (IPS) di Pusat Konvensyen Raffles City semalam, Encik Shanmugam berkata beliau akur bahawa sesetengah warga Singapura tdak bersetuju dengan langkah pemerintah mengadakan Pilihan Raya Presiden yang diperuntukkan bagi sesebuah kaum.

Beliau bagaimanapun berkata masyarakat cenderung untuk menerimanya apabila mereka diberi fakta dan hujah sepenuhnya.

"Ini adalah satu isu di mana orang yang berfikiran waras boleh mempunyai pandangan berbeza.

"Kenyataannya bahawa kita boleh bercakap mengenainya, membahasnya, mengetengahkannya, juga dapat membantu mengukuhkan keseluruhan fabrik masyarakat berbilang kaum," ujarnya.

Penjelasan Encik Shanmugam itu dibuat sedang negara membuat persediaan bagi memilih Presiden Singapura yang kelapan pada 23 September ini.

Hanya calon Melayu boleh mengambil bahagian dalam Pilihan Raya Presiden kali ini – di bawah undang-undang baru yang memperuntukkan pilihan raya itu bagi masyarakat Melayu, jika tidak ada seorang pun daripada anggota masyarakat Melayu menjadi presiden sejak lima penggal lalu.

"Ini (EP yang diperuntukkan) adalah satu isu di mana orang yang berfikiran waras boleh mempunyai pandangan berbeza. Kenyataannya bahawa kita boleh bercakap mengenainya, membahasnya, mengetengahkannya, juga dapat membantu mengukuhkan keseluruhan fabrik masyarakat berbilang kaum."

– Encik K. Shanmugam.

Encik Shanmugam juga mendedahkan dalam forum tersebut bahawa pada mulanya, rancangannya adalah memperuntukkan pilihan raya hanya kepada dua kumpulan – kaum Melayu, dan kaum India dan kaum lain.

Namun, maklum balas daripada masyarakat Cina mendorong peruntukan tambahan bahawa pilihan raya presiden juga diperuntukkan bagi masyarakat Cina, jika bagi tempoh lima penggal berlalu tanpa seorang presiden Cina.

Encik Shanmugam berkata sedang sesetengah negara memilih pendekatan 'laissez-faire' atau bebas daripada campur tangan, pemerintah Singapura secara konsisten memilih pendekatan campur tangan bagi menggalak masyarakat pelbagai kaum.

Campur tangan itu, menurutnya, termasuk pengenalan sistem Kawasan Undi Perwakilan Kumpulan (GRC) dan kuota perkauman bagi perumahan awam.

Perubahan pada EP adalah satu lagi langkah ke arah tersebut, tambah beliau.

Turut berucap dalam forum itu termasuk Menteri di Pejabat Perdana Menteri (PMO), Encik Chan Chun Sing; Menteri Negara Kanan bagi Pendidikan, Encik Janil Puthucheary; Editor akhbar *Lianhe Zaobao*, Encik Goh Sin Teck; Zamil Institut Iseas-Yusof Ishak, Dr Norshahril Saat; dan Dr Kevin Tan daripada Fakulti Undang-Undang Universiti Nasional Singapura (NUS).

Sejauh ini, tiga calon telah melahirkan hasrat mahu bertanding dalam Pilihan Raya Presiden yang dijadualkan pada 23 September ini.

Mereka ialah mantan Speaker Parlimen, Cik Halimah Yacob, 63 tahun; Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Second Chance Properties, Encik Mohamed Salleh Marican, 67 tahun; dan Pengerusi Bourbon Offshore Asia Pacific, Encik Farid Khan Kaim Khan, 62 tahun.

Laporan lanjut forum mengenai EP yang diperuntukkan
– Muka 4

Source: Berita Harian © Singapore Press Holdings Ltd. Permission required for reproduction.

NUS National University of Singapore

Source: *Berita Harian,* Front Page & p4
Date: 9 September 2017

FORUM MENGENAI PILIHAN RAYA PRESIDEN DIPILIH

Mungkin bayar 'harga politik', tetapi perlu dilakukan

ENCIK CHAN CHUN SING: Pilihan Raya Presiden untuk calon minoriti harus dilakukan demi kesejahteraan Singapura pada masa depan.

▶**HASLEEN BACHIK**
hasleen@sph.com.sg

PEMERINTAH mungkin membayar 'harga politik' dengan memperkenal Pilihan Raya Presiden yang diperuntuk untuk calon minoriti, namun ia sesuatu yang harus dilakukan pada masa kini demi kesejahteraan Singapura pada masa depan.

Demikian jelas Menteri di Pejabat Perdana Menteri, Encik Chan Chun Sing, dalam Forum mengenai Pilihan Raya Presiden anjuran Institut Pengajian Dasar (IPS) yang diadakan di Pusat Konvensyen Raffles City semalam.

Menurut Encik Chan, beliau sedar sepanjang dua tahun perdebatan Presiden Dipilih (EP) telah menimbulkan pelbagai persoalan mengapa pemerintah memilih berbuat demikian sedangkan ia meletakkannya dalam keadaan yang tidak begitu menyelesakan.

Sambil menyingkap perbincangan pihaknya dengan Perdana Menteri Lee Hsien Loong, Encik Chan berkata: "Kami bertanya kepada PM adakah ia harus dilakukan kini? Sama seperti anda, kami menjangkakan ia menjadi laluan yang sukar untuk meyakinkan ramai dan kami akan membayar harga politik sekurang-kurangnya pada jangka pendek. Jawapan PM akan sentiasa terpahat dalam ingatan saya. Itulah yang membezakan antara ahli politik dengan pemimpin politik.

"Jawapan beliau, Ya memang kita mungkin akan membayar harga politik, Ya kita mungkin tidak punya masalah di sini dan sekarang. Tetapi bagaimana jika kita ada masalah 20 atau 30 tahun dari sekarang?

"Adakah generasi keempat, kelima dan keenam mempunyai kebebasan, kemewahan masa dan ruang bagi mereka meletakkan sistem itu? Maka beliau mengambil pilihan sebagai pemimpin politik meletakkan sistem bagi mengatasi isu yang berpotensi timbul pada masa depan demi negara.

"Bukan untuk dirinya, bukan untuk modal politiknya. Beliau sentiasa memikirkan tentang negaranya. Beliau bersedia membayar harga politik kerana masa depan negara jauh lebih penting daripada modal politik yang kita ada untuk generasi kini."

Dalam sesi perbincangan yang turut melibatkan Menteri Negara Kanan (Perhubungan dan Penerangan merangkap Pendidikan), Dr Janil Puthucheary, serta Timbalan Pengarah (Penyelidikan) Institut Pengajian Dasar (IPS), Dr Gillian Koh, selaku pengerusi, pelbagai isu melibatkan golongan minoriti diketengah.

Antaranya termasuk bagaimana masyarakat Melayu dikatakan berasa agak tersisih kerana tiadanya presiden berbangsa Melayu sejak sekian lama.

Shanmugam: Pemerintah perlu main peranan proaktif

▶**ROSEBI MOHD SAH**
rosebi@sph.com.sg

MENTERI Ehwal Dalam Negeri merangkap Menteri Undang-Undang, Encik K. Shanmugam, semalam mendedahkan fakta-fakta bagi Pilihan Raya Presiden (EP).

Pemerintah, katanya, perlu memainkan peranan proaktif bagi membuat pertimbangan sendiri tentang mengapakah ia perlu.

Beliau juga menekankan walaupun terdapat beberapa pindaan dalam perlembagaan dalam sesuatu tempoh, peranan simbolik dan istiadat tidak pernah berubah tetapi kekal menjadi peranan utama Presiden.

Namun, beliau menekankan kriteria kelayakan bagi Presiden perlu diperbaharui dari semasa ke semasa sedang keadaan ekonomi, politik dan sosial berubah dengan pesat.

Menjelaskan demikian dalam Forum mengenai Presiden Dipilih anjuran Institut Pengajian Dasar (IPS) di Pusat Konvensyen Raffles City semalam, Encik Shanmugam berkata:

"Peranan simbolik Presiden itu bermula sejak kemerdekaan. Pembentukan Presiden Dipilih dalam 1991, dengan peranan tambahan menjaga rizab lalu dan kewibawaan khidmat awam, tidak membatalkan peranan simbolik itu."

DEDAH FAKTA: Encik Shanmugam *(kiri)* menjelaskan lagi sebab-sebab mengapa Pilihan Raya Presiden bagi kaum minoriti perlu diadakan, dengan diperhatikan pengerusi forum, Profesor Kishore Mahbubani. – Foto ZAINAL YAHYA

Beliau juga berkata terdapat bukti bahawa bangsa kekal menjadi satu faktor apabila warga Singapura keluar mengundi.

Ini, menurutnya, menjadikan lebih sukar bagi kaum minoriti dipilih sebagai presiden.

Membuktikannya, Encik Shanmugam menukil satu kajian yang menunjukkan di kalangan kaum Cina, 96 peratus menerima seorang bangsa Cina sebagai presiden, sedangkan hanya 56 peratus menerima seorang Melayu sebagai presiden.

Turut memberi ucapan dalam forum itu termasuk Menteri di Pejabat Perdana Menteri (PMO), Encik Chan Chun Sing; Menteri Negara Kanan bagi Pendidikan, Encik Janil Puthucheary; Editor akhbar *Lianhe Zaobao*, Encik Goh Sin Teck; Dr Kevin Tan daripada Fakulti Undang-Undang Universiti Nasional Singapura (NUS); dan Zamil Institut Iseas-Yusof Ishak, Dr Norshahril Saat.

Encik Goh semasa berucap berkata bahawa beliau tidak bersetuju pilihan raya presiden itu mesti dijalankan semata-mata kerana ia perlu diadakan.

Beliau juga berkata walaupun beliau ingin melihat pertandingan dalam Pilihan Raya Presiden, ia tidak harus diadakan sehingga kriteria kelayakan itu perlu dilonggarkan.

"Jika calon EP tidak layak, bolehkah kita turunkan kriteria kelayakan? Saya tak fikir begitu," ujarnya.

"Perlukah kita mengadakan Pilihan Raya Presiden (EP) semata-mata hanya setakat untuk mengadakannya? Jika dua lagi calon EP tidak layak, bolehkah kita turunkan lagi kriteria kelayakan? Bagi saya tentunya tidak. Jika anda tidak dapat memenuhi kriteria, kita tidak boleh menurunkan palang semata-mata untuk mengadakan pilihan raya."

– Editor Lianhe Zaobao, Encik Goh Sin Teck.

"Beberapa orang Melayu yang saya temui berkata mereka mengalu-alukan Pilihan Raya Presiden daripada kaum Melayu. Malah, mereka bertanya mengapa terlalu lama? Isu jantina juga tidak dipersoalkan. Malah ramai yang melahirkan rasa ghairah untuk mempunyai wanita Melayu pertama sebagai Presiden Singapura."

– Zamil Institut Iseas-Yusof Ishak, Dr Norshahril Saat.

Source: Berita Harian © Singapore Press Holdings Ltd. Permission required for reproduction.